



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Pelan **ANTI RASUAH ORGANISASI**

**JABATAN KESIHATAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN**

2025 - 2029



www.jknns.moh.gov.my

Isi Kandungan

	Kata Aluan Pengarah Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan	1
	Ringkasan Eksekutif	2
BAB 1	PENGENALAN	3
	Latar Belakang JKN Negeri Sembilan	4
	Fungsi Utama Bahagian di bawah JKN Negeri Sembilan	6
	Visi dan Misi JKN Negeri Sembilan	5
	Carta Organisasi JKN Negeri Sembilan	12
	Budaya Korporat JKN Negeri Sembilan	13
	Episod Pembanteras Rasuah Dalam Perkhidmatan	14
	Keperluan Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi/ <i>Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)</i> JKN Negeri Sembilan	16
	Polisi Pencegahan Rasuah Kementerian Kesihatan Malaysia	17
	Isu dan Cabaran Pencegahan Rasuah di JKN Negeri Sembilan	18
	Bidang Keutamaan OACP	21
	Bidang-bidang Keutamaan Berisiko	22
BAB 2	PENGUKUHAN ASPEK TATAKELOLA INTEGRITI DAN RASUAH	23
	Kerangka Utama OACP	24

Isi Kandungan

	Strategi OACP	26
	Analisis Kuadran	28
	Keutamaan Strategi	30
	Pelan Tindakan dan Pemantauan Bidang Keutamaan	34
	1. Pengurusan Bidang Keutamaan	35
	2. Perolehan dan Kewangan Bidang Keutamaan	41
	3. Penguatkuasaan dan Pemantauan	47
BAB 3	MEKANISME PELAKSANAAN, PEMANTAUAN, PELAPORAN DAN PENILAIAN	55
	Mekanisama Pelaksanaan	56
	Mekanisma Pemantauan	57
	Mekanisma Pelaporan	58
	Mekanisma Penilaian	59
BAB 4	KESIMPULAN, HARAPAN MASA DEPAN DAN PENGHARGAAN	60
	Kesimpulan	61
	Harapan Masa Depan	62
	Penghargaan	63
	Lampiran	69

KATA ALU-ALUAN

PENGARAH KESIHATAN NEGERI

NEGERI SEMBILAN



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan berjaya mewujudkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan 2025-2029.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak terlibat yang mencurahkan masa, tenaga dan kepakaran untuk membangunkan pelan khusus untuk Jabatan ini. Inisiatif pelan ini berasaskan Pelan Antirasuah Kementerian Kesihatan Malaysia 2021 – 2025 untuk memperkukuh integriti dan identiti KKM sebagai organisasi berkesan yang memberi khidmat penjagaan Kesihatan ke seluruh negara.

Perkhidmatan awam merupakan tulang belakang jentera pentadbiran Kerajaan khususnya dalam sistem penyampaian kepada rakyat. Oleh itu penjawat awam yang mengamalkan budaya kerja berintegriti, anti rasuah dan tata kelola tinggi adalah merupakan aset penting kepada Jabatan ini. Justeru dengan penghasilan Pelan Antirasuah Organisasi ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan organisasi yang lestari, ampuh dan bebas rasuah.

Saya mengharapkan penghayatan dan praktis semua warga Jabatan agar manifestasi ini dapat dijayakan dengan komitmen tinggi dan tidak berbelah bahagi dalam tempoh yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Harlina binti Abdul Rashid
Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri
Negeri Sembilan

Ringkasan Eksekutif

Pelan Antirasuah Organisasi JKN Negeri Sembilan (2025-2029) ini dirangka berdasarkan NACP melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2 dan No. 1 Tahun 2019. Arahan ini berkaitan dengan pemantapan tatakelola, integriti dan antirasuah dalam pengurusan pentadbiran Kerajaan Malaysia serta OACP. Perkara ini juga telah dinyatakan dalam NACP (2019 – 2023) di bawah Strategi 6, perkara 6.2.1 yang mewajibkan semua badan berkanun membangunkan OACP dengan bantuan Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Negara (GIACC), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Institut Integriti Malaysia (IIM) dan dimantapkan lagi dengan Strategi Antirasuah Nasional 2024-2029 (NACS 2024-2028).

Buku ini terbahagi kepada empat (4) bab yang menggambarkan perjalanan pelaksanaan OACP di JKN Negeri Sembilan iaitu:

BAB 1: PENGENALAN

Merupakan pernyataan mengenai latar belakang dan organisasi Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan seterusnya isu dan cabaran Jabatan untuk mengenalpasti dan mengekang punca rasuah serta tindakan mitigasi yang dilaksanakan. Strategi utama adalah untuk menangani aspek integriti dan tatakelola di JKN Negeri Sembilan. Dalam hal ini, bidang - bidang berisiko tinggi dan terdedah kepada permasalahan integriti, tatakelola dan rasuah ialah tadbir urus kewangan, perolehan dan Pembangunan.

BAB 2: PENGUKUHAN ASPEK TATAKELOLA, INTEGRITI DAN RASUAH

Membangunkan kerangka pelan menyeluruh menerusi pemantapan aspek tatakelola dan integriti iaitu menganalisis risiko, mengenalpasti punca dan peluang untuk mengelakkan dan menghapuskan bibit rasuah di kalangan warga Jabatan. Seterusnya strategi dan tindakan diperkukuhkan dengan kerjasama semua Bahagian di dalam JKN Negeri Sembilan.

BAB 3: MEKANISME PELAKSANAAN, PEMANTAUAN, PELAPORAN DAN PENILAIAN

Menghuraikan kepentingan mekanisme kawal selia serta semak dan imbang pelan tindakan OACP selaras dengan objektif kecapaian matlamat dan sasaran dicapai dengan cekap dan berkesan.

BAB 4: KESIMPULAN DAN HARAPAN MASA DEPAN

Bab ini merupakan kesimpulan berkenaan keseluruhan usaha dan kepentingan pembangunan Pelan Antirasuah JKN Negeri Sembilan 2025 – 2029. Ia juga turut menyatakan keazaman dan tekad sifar rasuah oleh warga jabatan serta penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha membangunkan Pelan Antirasuah JKN Negeri Sembilan.

“

Bab 1

PENGENALAN

“Sebab itu yang kita perlu adalah kesungguhan, tekad, keikhlasan, “Ikhlas al-‘amalillah” untuk memerangi ini sebagai satu dasar yang perlu demi menyelamatkan negara dan memberikan khidmat terbaik kepada rakyat.”

Petikan YAB Perdana Menteri sewaktu
MAJLIS PELUNCURAN
STRATEGI PEMBANTERASAN RASUAH NASIONAL
(NACS) 2024 – 2028
7 Mei 2024

”

LATAR BELAKANG JKN Negeri Sembilan

Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (JKNNS) merupakan salah satu jabatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia yang berperanan sebagai ibu pejabat pentadbiran kesihatan Negeri Sembilan.

JKNNS yang terletak di Jalan Rasah, Seremban merupakan Ibu Pejabat untuk Kementerian Kesihatan Malaysia bagi Negeri Sembilan. Semua pentadbiran dan aktiviti peringkat negeri adalah diuruskan oleh jabatan ini. JKNNS pada asalnya terletak di Jalan Lee Sam, Seremban manakala beberapa bahagian beroperasi di lokasi berasingan. Sejarar dengan keperluan pengurusan, sebuah bangunan baharu dibina di Jalan Rasah, Seremban pada tahun 2010 dan mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Februari 2012.

JKNNS yang diketuai oleh Pengarah Kesihatan Negeri mempunyai enam (6) bahagian iaitu Bahagian Pengurusan Bahagian Perubatan, Bahagian Kesihatan Awam, Bahagian Pergigian, Bahagian Perkhidmatan Farmasi dan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan. Bahagian-bahagian tersebut diterajui oleh Timbalan-Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri yang bertanggungjawab kepada Pengarah Kesihatan Negeri.

Di bawah JKNNS terdapat 7 hospital, 7 Pejabat Kesihatan Daerah, 7 Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah, 51 klinik kesihatan, 95 klinik desa, 11 klinik komuniti, 8 klinik bergerak dan 43 klinik pergigian.

VISI & MISI

JKN Negeri Sembilan

VISI

Negeri Sembilan ke arah kesihatan yang optimum berteraskan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan komprehensif.

MISI

Memperkasa penyampaian perkhidmatan kesihatan yang komprehensif kepada masyarakat Negeri Sembilan melalui promosi, pencegahan, perawatan, rehabilitasi secara profesional, efisien dan saksama.

OBJEKTIF

Membantu individu dan keluarga mencapai dan mengekalkan taraf kesihatan yang optima bagi membolehkannya menjalankan kegiatan ekonomi dan sosial yang produktif dengan menyediakan kemudahan asas dan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti. Tumpuan diberi kepada rakyat yang kurang bernasib baik.

NILAI-NILAI BERSAMA

J –Jujur dan berintegriti

K – Kreatif dan inovatif

N – Nilai-nilai positif

N – Norma kerja yang produktiviti dan berkualiti

S – Sistem berinformasi teknologi terkini

Fungsi Utama Bahagian di bawah JKN Negeri Sembilan

BAHAGIAN PENGURUSAN

Diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan) berperanan dalam urusan penyampaian perkhidmatan yang efisien dan efektif dalam semua bidang pengurusan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan perkhidmatan awam secara khususnya. Bahagian Pengurusan terdiri daripada:

- Seksyen Sumber Manusia, Latihan dan Kualiti
- Seksyen Pentadbiran
- Seksyen Pembangunan
- Seksyen Kewangan
- Seksyen Perolehan dan Pengurusan Aset
- Seksyen Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- Seksyen Psikologi Kaunseling
- Unit Kejururawatan Negeri
- Unit Penolong Pegawai Perubatan Negeri

Bahagian ini bertanggungjawab memberi perkhidmatan sokongan untuk merancang, membekal dan mempertingkatkan perkhidmatan-perkhidmatan pentadbiran personal, kewangan, latihan, kontrak dan bekalan, pembangunan, ICT, kualiti, kaunseling dan tatatertib bagi memastikan visi dan misi jabatan dapat dicapai.

Fungsi Utama Bahagian di bawah JKN Negeri Sembilan

BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

Bahagian Kesihatan Awam yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) adalah bahagian yang bertanggungjawab menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada masyarakat di Negeri Sembilan secara komprehensif melalui Perkhidmatan Kesihatan Keluarga, Penjagaan Kesihatan Primer, Kawalan Penyakit Berjangkit dan Penyakit Tidak Berjangkit, serta Pendidikan dan Promosi Kesihatan. Pelbagai program kesihatan, pencegahan, perawatan dan pemulihan diadakan bagi mencapai tujuan tersebut. Unit-unit yang terletak di bawah Bahagian ini adalah:

- Unit Perkembangan Kesihatan Awam
- Unit Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD)
- Unit Kawalan Penyakit Berjangkit (CDC/TB dan Kusta/HIV dan STI)
- Unit Kesihatan Keluarga (MCH)
- Unit Penjagaan Kesihatan Primer
- Unit Pemakanan
- Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor (CPBV)
- Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (KPAS)
- Unit Survelan
- Unit Inspektorat dan Perundangan (UIP)
- Unit Promosi Kesihatan
- Unit Kawalselia Radiasi Perubatan
- Unit Entomologi dan Pest
- Unit Kejuruteraan

Fungsi Utama Bahagian di bawah JKN Negeri Sembilan

BAHAGIAN PERUBATAN

Bahagian Perubatan diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan), berfungsi dalam merancang, menyelaraskan, memantau dan menilai pelaksanaan perkhidmatan kesihatan meliputi perkhidmatan diagnostik, rawatan dan pemulihan pesakit yang berkualiti, berkesan dan mudah diperolehi. Selain itu, bahagian ini bertanggungjawab ke atas pengurusan sumber, pembangunan modal insan dan juga pengurusan perkhidmatan perubatan bagi hospital-hospital di Negeri Sembilan. Usaha yang dilaksanakan ini adalah berlandaskan kepada Polisi dan dasar-dasar Kementerian Kesihatan Malaysia. Terdapat empat unit di bawah Bahagian Perubatan iaitu:

- Unit Perkembangan dan Amalan Perubatan
- Unit Kualiti Penjagaan Perubatan
- Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta
- Unit Rekod Perubatan.

Fungsi Utama Bahagian di bawah JKN Negeri Sembilan

BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN

Bahagian Kesihatan Pergigian adalah bahagian yang bertanggungjawab dalam hal ehwal kesihatan oral dan pergigian di Negeri Sembilan. Bahagian ini diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) berperanan untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan pergigian kepada setiap lapisan masyarakat di Negeri Sembilan supaya mencapai tahap kesihatan mulut yang optimum melalui aktiviti promosi, pencegahan, perawatan dan pemulihan. Perkhidmatan rawatan pergigian yang menggunakan kemudahan teknologi yang terkini termasuk penjagaan kesihatan pergigian primer, kesihatan pergigian masyarakat dan kesihatan pergigian kepakaran. Fungsi Bahagian Kesihatan Pergigian merangkumi perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian semua aktiviti utama perkhidmatan kesihatan pergigian, keperluan sumber kewangan, sumber manusia, infrastruktur dan pentadbiran am. Terdapat empat unit di bawah Bahagian Kesihatan Pergigian

- Unit Pengurusan Kesihatan Pergigian
- Unit Penjagaan Kesihatan Pergigian
- Unit Amalan dan Penguatkuasaan Pergigian
- Unit Perkembangan Kesihatan Pergigian

Fungsi Utama Bahagian di bawah JKN Negeri Sembilan

BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI

Bahagian Perkhidmatan Farmasi diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi), bertanggungjawab untuk memastikan perancangan strategik dan dasar dilaksanakan mengikut sasaran yang ditetapkan, pengagihan sumber manusia mengikut keperluan dan kepentingan perkhidmatan, pembangunan modal insan yang relevan serta memastikan urusan pentadbiran dan kewangan mengikut peraturan. Bahagian ini juga berperanan mengoptimalkan terapi ubat-ubatan dan pemberian penjagaan farmaseutikal dengan memastikan pengurusan pemilihan, pembelian dan pengedaran farmaseutikal yang berkesan serta penggunaan ubat yang rasional dan kos-efektif melalui perkhidmatan farmasi profesional dan farmasi klinikal yang terkini. Selain itu, Bahagian ini turut berperanan memastikan semua produk farmaseutikal, tradisional dan kosmetik dalam pasaran adalah berdaftar dan bernoifikasi. Bahagian ini berfungsi untuk memastikan bahawa pengendalian rangkaian bekalan dan pemasaran, iklan-iklan produk dan penggunaannya dikendalikan dengan mematuhi peruntukan Akta-akta dan Peraturan-peraturan yang berkaitan.

Terdapat 3 cawangan di bawah Bahagian Perkhidmatan Farmasi iaitu:

- Cawangan Pengurusan Farmasi
- Cawangan Amalan & Perkembangan Farmasi
- Cawangan Penguatkuasa Farmasi

Fungsi Utama Bahagian di bawah JKN Negeri Sembilan

BAHAGIAN KESELAMATAN & KUALITI MAKANAN

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan di peringkat negeri diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan dan Kualiti Makanan), manakala di peringkat daerah pelaksanaan aktiviti adalah di bawah Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Pejabat Kesihatan Daerah. Bahagian ini bertanggungjawab dalam merancang, melaksana, memantau dan menilai aktiviti keselamatan dan kualiti makanan bagi melindungi masyarakat daripada bahaya-bahaya kesihatan yang berpunca daripada pencemaran makanan dan penipuan dalam penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan.

Program ini merangkumi aktiviti-aktiviti utama seperti Pensijilan, Pelesenan dan Pembangunan Industri Makanan, Komunikasi dan Kepenggunaan, Surveilan Makanan, Pematuhan dan Kawalan Makanan Domestik, Import dan Eksport, Penguatkuasaan Akta Makanan 1983, Akta Jruanalisis Makanan 2011 dan Peraturan- Peraturan di bawahnya. Terdapat empat (4) unit di bawah Bahagian ini iaitu:

- Unit Perkhidmatan Industri dan Kawalan Eksport
- Unit Penguatkuasaan Domestik dan Import
- Unit Komunikasi dan Kepenggunaan
- Unit Pengurusan

Carta Organisasi JKN Negeri Sembilan



YBhg. Dato' Dr. Harlina binti Abdul Rashid
Pengarah Kesihatan Negeri Negeri Sembilan



Amiruddin bin Ahmad Kamal
Timbalan Pengarah
Kesihatan Negeri
(Pengurusan)



Dr. Zuraida binti Mohamed
Timbalan Pengarah
Kesihatan Negeri
(Kesihatan Awam)




Dr. Nor Azizah binti Abdul Samad
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
(Perubatan)



Dr. Norliza binti Ismail
Timbalan Pengarah
Kesihatan Negeri
(Kesihatan Pergigian)



Ezatul Rahayu binti Anuar
Timbalan Pengarah
Kesihatan Negeri
(Perkhidmatan Farmasi)



Roziaton binti Abd Wahab
Timbalan Pengarah Kesihatan
Negeri (Keselamatan dan Kualiti
Makanan)

Budaya Korporat JKN Negeri Sembilan

Penyayang

Kami komited untuk menerima pelanggan dengan sikap ramah mesra dan penuh perhatian. Kami bersedia memberi layanan dengan bersopan santun, responsif dan menghormati hak individu. Kami bertanggungjawab memberi perkhidmatan yang mesra pelanggan.

Profesionalisme

Kami komited untuk memberi perkhidmatan yang terbaik merangkumi etika dan taraf kerja yang dikehendaki serta prinsip anggota yang bertanggungjawab. Kami percaya dalam memberikan perkhidmatan cemerlang dan sentiasa bersedia memenuhi harapan masyarakat.

Kerja Berpasukan


Kami komited untuk bekerja sebagai satu pasukan dengan harmoni bagi mencapai matlamat yang sama.

Episod Pembanteras Rasuah Dalam Perkhidmatan Awam

Dalam usaha mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembanteras rasuah telah menjadi keutamaan negara. Selaras dengan agenda ini, beberapa inisiatif di peringkat nasional telah dilaksanakan melalui beberapa fasa berikut:


Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004:

Memperkenalkan lima (5) objektif utama untuk mengurangkan rasuah, meningkatkan kecekapan pengurusan awam, memperkuatkan institusi berintegriti, meningkatkan kesedaran masyarakat dan menggalakkan penglibatan semua pihak.



Pelan Transformasi Kerajaan (GTP 1.0) 2010:

Menubuhkan National Key Result Areas (NKRA) antirasuah, memperkukuh SPRM dan melaksanakan sistem e-Procurement untuk meningkatkan ketelusan dalam perolehan kerajaan.



Pelan Transformasi Kerajaan (GTP 2.0) 2013:

Memperkasakan undang-undang anti rasuah, meningkatkan integriti penjawat awam melalui latihan dan memperkuatkan sistem pelaporan serta pemantauan.



Episod Pembanteras Rasuah Dalam Perkhidmatan Awam

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019:

Mengandungi 115 inisiatif yang dibahagikan kepada enam (6) bidang keutamaan yang terdiri daripada Tadbir Urus Politik, Perolehan Awam, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Undang-undang, Perundangan dan Kehakiman, Pentadbiran Kerajaan serta Sektor Korporat. NACP dibentuk melalui kajian mendalam dan melibatkan penyertaan pelbagai pihak termasuk sektor awam, swasta dan masyarakat sivil. Antara inisiatif utama di bawah NACP adalah penubuhan Unit Integriti di semua agensi kerajaan, pelaksanaan pelaporan aset oleh penjawat awam serta pengukuhan undang-undang dan penguatkuasaan.

Pelan-pelan ini telah dibentuk dengan tujuan untuk memperkukuhkan sistem pentadbiran awam yang bersih dan berintegriti di Malaysia. Setiap pelan memperkenalkan langkah-langkah khusus yang bertujuan untuk membanteras rasuah dan meningkatkan ketelusan dalam sektor awam. Dari PIN yang memberikan asas kepada budaya integriti, GTP 1.0 dan 2.0 yang memperkenalkan reformasi besar-besaran, hingga NACP yang menyediakan pendekatan holistik dan komprehensif, Kerajaan Malaysia telah menunjukkan komitmen yang berterusan dalam memerangi rasuah. Usaha-usaha ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan dan ketelusan dalam perkhidmatan awam, tetapi juga memperkuat kepercayaan rakyat terhadap institusi kerajaan.

Strategi Pembanteras Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028

Telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 7 Mei 2024 bagi menggantikan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023. NACS merupakan kesinambungan NACP digubal sebagai pelan yang komprehensif untuk menggembeleng segala usaha menangani pelbagai isu berkaitan tatakelola, integriti, dan pencegahan rasuah. NACS menggariskan strategi penting yang tertumpu pada peningkatan integriti, ketelusan, dan kebertanggungjawaban merentas pelbagai sektor di Malaysia, termasuk ahli politik, pentadbiran awam, perolehan Kerajaan, penguatkuasaan undang-undang, institusi perundangan dan kehakiman, sektor swasta, serta orang ramai. Ia menggabungkan (5) lima strategi dan 60 substrategi untuk dilaksanakan dalam tempoh lima tahun.

Keperluan Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JKN Negeri Sembilan

Pembangunan OACP JKN Negeri Sembilan melibatkan beberapa proses utama terutamanya mesyuarat dan bengkel libat urus yang diurusetikan oleh JKN Kelantan dan dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan Jabatan Kesihatan Negeri yang lain. OACP ini merupakan kesepakatan matlamat dan tindakan semua JKN dalam mendepani isu rasuah dan integriti di kalangan penjawat awam Jabatan bagi tempoh lima (5) tahun.

Dalam usaha menjayakan pembangunan dan penggubalan Pelan Antirasuah JKN Negeri Sembilan ini beberapa siri bengkel dan taklimat telah diadakan seperti berikut:

- Bengkel Siri 1 : Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Peringkat JKN telah diadakan pada 18 Mac hingga 19 Mac di Grand Puteri Hotel, Kuala Terengganu
- Bengkel Siri 2 : Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Peringkat JKN telah diadakan di IBIS Style hotel, Kota Bharu, Kelantan
- Bengkel Siri 3 : Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Peringkat JKN telah diadakan pada 16 Julai hingga 18 Julai 2024 bertempat di INTAN Kampus Wilayah Utara (INTURA); dan
- Bengkel Siri 4 : Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Peringkat JKN telah diadakan pada 14 Ogos hingga 15 Ogos 2024 bertempat di Pejabat Pendidikan Daerah, Cameron Highlands, Pahang.

Pembangunan pelan ini adalah seiring dengan Pelan Antirasuah Kementerian Kesihatan Malaysia 2021 - 2025, ia menjadi asas agenda integriti organisasi untuk memperkukuh nilai dan budaya bebas rasuah berpaksikan matlamat “Toleransi Sifar Terhadap Rasuah” dalam kalangan warga Kementerian.

Polisi Pencegahan Rasuah

Kementerian Kesihatan Malaysia

Pada 27 Ogos 2019, KKM telah melancarkan Kit Pencegahan Rasuah semasa Majlis Perjumpaan Bersama YB Menteri Kesihatan. Pelancaran ini mencerminkan usaha KKM untuk memerangi rasuah dan meningkatkan integriti dalam kalangan warga kerjanya. Enam (6) polisi utama yang dibangunkan sebagai panduan untuk seluruh warga KKM dan pihak luar yang berurusan dengan kementerian ini adalah seperti berikut:



Isu dan Cabaran Pencegahan Rasuah di JKN Negeri Sembilan

Terdapat pelbagai isu dan cabaran dalam usaha mencegah rasuah di JKN Negeri Sembilan. Antara isu utama adalah:

KELEMAHAN KAWALAN DALAMAN DAN TADBIR URUS

Pengawasan tidak kerap dan prosedur terlalu umum telah membuka ruang dan peluang kepada manipulasi.

KELEMAHAN PEMATUHAN PROSEDUR KERJA

Pemahaman yang kurang jelas terhadap prosedur kerja menyebabkan ketidakpatuhan dan membuka ruang kepada rasuah.



GANGGUAN ATAU KEKANGAN DARIPADA PERSEKITARAN

Amalan dan budaya kerja yang mendorong kepada berlakunya salah laku rasuah.

KURANG KESEDARAN DAN ETIKA RASUAH

Tidak memahami impak perbuatan atau ketidaksedaran perbuatan yang dianggap rasuah

KELEMAHAN KAWALAN DALAMAN DAN TADBIR URUS

Keampuhan sistem kawalan dalaman agensi sangat penting bagi memastikan setiap warganya dapat menjalankan tugas dengan sempurna dan berintegriti. Tindakan punitif terhadap pegawai yang melanggar undang-undang dan integriti juga perlu dilaksanakan segera dan menyeluruh bagi memberi kesedaran kepada warga yang lain.

Namun ianya sukar dilakukan kerana tiada pegawai khusus yang mengendalikan fungsi pematuhan, pengesanan dan pengesahan terhadap salahlaku pegawai dan maklumat diperolehi berdasarkan laporan oleh Ketua Jabatan. Selain itu wujud kelemahan dan kekurangan dari segi teknologi bagi memantau aktiviti pegawai seperti penyelarasan kepada rekod kehadiran yang boleh dimanipulasi.

Selain daripada itu kegagalan Pengurusan Aset oleh pegawai-pegawai serta kelemahan SOP Pengurusan Aset agensi yang berkaitan telah menyebabkan kehilangan aset yang berulang kali.

KELEMAHAN PEMATUHAN PROSEDUR KERJA

Pekeliling, prosedur dan proses kerja digubal supaya ianya menjadi sumber rujukan palling utama dalam memberikan perkhidmatan seperti diharapkan pelanggan dalaman dan luaran serta pemegang taruh. Namun, warga jabatan tidak mahu mematuhi pekeliling, prosedur dan proses kerja yang berkaitan dan mereka cenderung untuk mentafsir sendiri berdasarkan amalan yang akhirnya memberi impak tidak baik terhadap agensi.

GANGGUAN ATAU KEKANGAN DARIPADA PERSEKITARAN

Budaya dan amalan kerja yang telah menjadi kebiasaan warga kerja sama ada dalam proses pematuhan arahan atau pelaksanaan kerja. Sikap yang telah menjadi kebiasaan ini menjadi kesukaran dan cabaran pengurusan bagi merubah corak serta budaya yang telah sebatikan dan menjadi sebahagian daripada amalan warga kerja.

KURANG KESEDARAN DAN ETIKA RASUAH

Kurang Latihan/praktis yang mencukupi mengenai etika kerja dan bahaya rasuah. Pegawai mungkin tidak memahami impak perbuatan mereka terhadap keseluruhan sistem. Ini termasuk ketidaksedaran bahawa pemberian atau penerimaan hadiah atau layanan boleh dianggap sebagai rasuah.

Bidang Keutamaan OACP



PENGURUSAN



**PEROLEHAN &
KEWANGAN**



**PENGUATKUASAAN
& PEMANTAUAN**



BIDANG-BIDANG KEUTAMAAN BERISIKO

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan, tiga (3) bidang utama yang terdedah kepada risiko governans, integriti dan antirasuah di JKN Negeri Sembilan yang telah dikenal pasti:

PENGURUSAN

Pengurusan yang berkesan adalah asas kepada semua bidang keutamaan berisiko. Pengurusan yang baik memastikan semua proses berjalan lancar, sumber digunakan dengan efisien dan matlamat organisasi tercapai. Pengurusan yang lemah boleh membawa kepada pelbagai risiko termasuk ketidakcekapan, pembaziran sumber dan penurunan kualiti perkhidmatan. Oleh itu, pengurusan yang cekap dan berkesan adalah kritikal dalam mengurangkan risiko serta memastikan kejayaan organisasi.

PEROLEHAN DAN KEWANGAN

Pengurusan kewangan dan perolehan tidak hanya bertujuan bagi memastikan sumber organisasi adalah mencukupi bagi melaksanakan aktiviti tetapi yang lebih penting adalah untuk mempamerkan akauntabiliti. Kelemahan dalam akauntabiliti boleh mendorong berlakunya penyelewengan seperti penipuan, kecurian dan aktiviti yang menyalahi undang-undang. Sekiranya terdapat kelemahan pada pengurusan kewangan dan perolehan yang dilaksanakan oleh organisasi, ia akan melibatkan peruntukan dan sumber kewangan yang besar. Oleh itu, setiap organisasi perlu melaksanakannya dengan cekap dan teratur agar kepentingan organisasi dapat dilindungi, tiada pembaziran dan ketirisan sumber kewangan yang digunakan.

PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN

Penguatkuasaan yang tegas dan pemantauan yang berterusan dapat mengesan dan mencegah sebarang bentuk penyelewengan, penipuan atau aktiviti yang menyalahi undang-undang. Ini juga membantu memastikan semua prosedur dan peraturan dipatuhi serta meningkatkan tahap akauntabiliti dan integriti dalam organisasi.

“

Bab 2

PENGUKUHAN ASPEK TATAKELOLA, INTEGRITI DAN RASUAH

Hadis Riwayat Tarmizi Daripada
Abdullah bin Amru RA berkata
Rasullah SAW bersabda

“Laknat Allah kepada **pemberi rasuah**
dan **penerima rasuah.**”

”

Kerangka Utama OACP

VISI

Memastikan tatakelola JKN Negeri Sembilan yang telus dan berintegriti serta mengekalkan sifar rasuah dalam perkhidmatan kesihatan.

MISI

- Memperkasa integriti dan meningkatkan akauntabiliti di kalangan warga JKN Negeri Sembilan ke arah tatakelola organisasi yang baik;
- Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan pengurusan perolehan dan kewangan dalam membentuk kesedaran etika kerja yang berintegriti; dan
- Memperkukuh tatakelola prosedur penguatkuasaan dan pemantauan serta kecekapan modal insan dalam penguatkuasaan

MATLAMAT

- Memastikan pengurusan aduan berkaitan integriti, siasatan dan pelaporan pelanggaran tatakelakuan ditangani dengan adil, cekap dan berkesan;
- Mempertingkatkan tahap pematuhan terhadap peraturan dan dasar yang berkuat kuasa; dan
- Mewujudkan warga JKN Negeri Sembilan yang kompeten dan berakauntabiliti.

Kerangka Utama OACP

VISI	Memastikan tatakelola JKN Negeri Sembilan yang telus dan berintegriti serta mengekalkan sifar rasuah dalam perkhidmatan kesihatan		
MISI	Memperkasa integriti dan meningkatkan akauntabiliti di kalangan warga JKN Negeri Sembilan ke arah tatakelola organisasi yang baik	Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan pengurusan perolehan dan kewangan dalam membentuk kesedaran etika kerja yang berintegriti	Memperkukuh tatakelola prosedur penguatkuasaan dan pemantauan serta kecekapan modal insan dalam penguatkuasaan
MATLAMAT	Memastikan pengurusan aduan berkaitan integriti, siasatan dan pelaporan pelanggaran tatakelakuan ditangani dengan adil, cekap dan berkesan		
	Mempertingkatkan tahap pematuhan terhadap peraturan dan dasar yang berkuat kuasa		
	Mewujudkan warga JKN Negeri Sembilan yang kompeten dan berakauntabiliti		
BIDANG KEUTAMAAN	PENGURUSAN	PEROLEHAN DAN KEWANGAN	PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN
STRATEGI	Memperkasa pengurusan organisasi ke arah tatakelola yang baik	Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan dalam pengurusan perolehan dan kewangan	Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan dalam penguatkuasaan dan pemantauan

STRATEGI OACP

PENGURUSAN
3 OBJEKTIF
STRATEGIK



**PEROLEHAN
DAN
KEWANGAN**
4 OBJEKTIF
STRATEGIK

**PENGUATKUASAAN DAN
PEMANTAUAN**
3 OBJEKTIF STRATEGIK

19 INISIATIF
Jangka
Pendek
(1 Tahun)

1 INISIATIF
Jangka
Sederhana
(2-3 Tahun)


25 INISIATIF
Jangka
Panjang
(4-5 Tahun)

“

Keutamaan Strategi

”

ANALISIS KUADRAN



KOMPLEKSITI

Kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif

IMPAK

Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif

BIDANG KEUTAMAAN 1 : PENGURUSAN

**STRATEGI 1 : MEMPERKASA PENGURUSAN ORGANISASI KE ARAH
TATAKELOLA YANG BAIK**

BIDANG KEUTAMAAN 2 : PEROLEHAN DAN KEWANGAN

**STRATEGI 2 : MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN
DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN DAN KEWANGAN**

BIDANG KEUTAMAAN 3 : PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN

**STRATEGI 3 : MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN
KETELUSAN DALAM PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN**

Keutamaan Strategi

BIL	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
1.	Memperkukuhkan dan mengadakan latihan pematuhan polisi pengurusan pengaruh luar.	A	1
2.	Memperkukuhkan proses kerja bagi penempatan/pertukaran pegawai dan memastikan setiap keputusan pertukaran adalah dibuat oleh Jawatankuasa Pertukaran/Penempatan.	A	1
3.	Menyebarkan peringatan/hebahan secara berkala berkenaan kepentingan menyimpan rahsia jabatan.	A	1
4.	Membuat hebahan/peringatan kepada pegawai untuk mematuhi tatacara pengurusan kes tatatertib.	B	1
5.	Membuat hebahan untuk tidak mengeluarkan pernyataan awam tanpa kebenaran	B	1
6.	Memperkasakan fungsi Lembaga Tatatertib dengan membuat Kursus Pelaksanaan Tatatertib yang berkesan	B	1
7.	Memperkasakan pematuhan terhadap Garis Panduan Pengurusan Aduan Awam KKM.	B	1
8.	Memperkasakan penggunaan <i>integrity pact</i> sedia ada.	B	1
9.	Memperkasakan <i>Whistleblowing Policy</i> dengan mewujudkan saluran aduan rasuah yang mesra pengguna.	B	1
10.	Mengadakan Latihan Pengurusan Aduan Awam secara berkala dan menyeluruh kepada semua penyelaras aduan.	B	1
11.	Mengadakan program peningkatan kesedaran <i>Whistleblowing Policy</i> .	B	1

BIL	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
12.	Menganjurkan Bengkel Penilaian Sasaran Kerja Utama (SKU) kepada penyelia.	B	1
13.	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan.	B	1
14.	Melaksanakan kursus pengurusan belanjawan	A	2
15.	Melaksanakan latihan atau taklimat berkaitan peraturan / pekeliling perolehan yang berkuatkuasa dalam Jabatan Kesihatan Negeri secara berkala.	A	2
16.	Melaksanakan program kesedaran berkaitan Arahan Perbendaharaan dan pekeliling yang berkuat kuasa	A	2
17.	Membangunkan <i>Frequently Asked Question (FAQ)</i> dan tutorial secara online bagi berkaitan pengurusan perolehan dan pentadbiran kontrak	A	2
18.	Memperkasakan kaedah pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian sama ada bersemuka atau secara atas talian bagi memastikan penilaian dibuat secara bersekali selaras dengan peraturan perolehan yang berkuatkuasa.	A	2
19.	Memperkemas prosedur kerja dengan mengeluarkan surat arahan penggunaan rujukan Jadual Kadar Harga (JKH) Jabatan Teknikal	A	2
20.	Memperkemaskan prosedur kerja proses pengurusan pembayaran	A	2
21.	Mencadang kepada pihak atasan KKM untuk arahan mewajibkan Pembayaran secara Cashless keseluruhan dan berperingkat	A	2
22.	Mencadangkan latihan serta taklimat berkaitan pengurusan kontrak kerajaan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang kepada Pentadbir Kontrak Jabatan.	A	2
23.	Mencadangkan tempoh masa yang bersesuaian dalam penyemakan dokumen kontrak oleh Pegawai Penasihat Undang-Undang dan tempoh masa berkenaan diletakkan sebagai KPI Pegawai tersebut.	A	2

BIL	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
24.	Mengadakan latihan/ kursus pengurusan terimaan.	A	2
25.	Mengadakan Sesi Libat Urus bersama pihak <i>Commerce Dot Com (CDC)</i> bagi tujuan untuk menambahbaik sistem notifikasi kontrak tamat dalam sistem ePerolehan.	A	2
26.	Mewujud dan melaksanakan mekanisme pemantauan dalam proses bayaran.	A	2
27.	Mewujud dan melaksanakan mekanisme pemantauan dalam proses Kutipan Hasil.	A	2
28.	Mewujud dan melaksanakan mekanisme pemantauan dalam proses pengeluaran resit.	A	2
29.	Mewujud dan melaksanakan mekanisme pemantauan dalam proses pengurusan dana/ peruntukan.	A	2
30.	Mewujud dan melaksanakan mekanisme pemantauan dalam proses pentadbiran kontrak.	A	2
31.	Mewujud dan melaksanakan mekanisme pemantauan dalam proses tuntutan panjar wang runcit.	A	2
32.	Mewujud dan melaksanakan mekanisme pemantauan secara berkala dalam kajian pasaran untuk pembelian terus.	A	2
33.	Mewujudkan pengasingan kuasa mengikut Arahan Perbendaharaan dan pekeliling yang berkuatkuasa	A	2
34.	Mewujudkan skema pemarkahan penilaian seragam dengan memasukkan elemen dan kriteria yang bersesuaian dengan wajaran markah yang boleh digunapakai sebagai panduan kepada Jawatankuasa Penilaian.	A	2
35.	Memperkasakan mekanisme pusingan kerja bagi jawatan yang sensitif	B	2

BIL	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
36.	Membangunkan <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> / Garis Panduan (GP) berkaitan pengendalian arahan semasa diterima yang melibatkan keputusan dalam aktiviti penguatkuasaan dan kawalan keselamatan	A	3
37.	Memperkasakan pelaksanaan SOP/GP pengeluaran lesen	A	3
38.	Memperkasakan pelaksanaan SOP/GP Penguatkuasaan dan Pemantauan	A	3
39.	Memperkukuhkan pelaksanaan audit pematuhan kepada SOP/GP Penguatkuasaan dan Pemantauan secara keseluruhan	A	3
40	Memperkukuhkan pematuhan SOP/GP pengurusan eksibit.	A	3
41.	Mengadakan latihan untuk memperkukuhkan pemahaman SOP/GP di kalangan anggota penguatkuasaan dan pemantauan	A	3
42.	Memperkemaskan SOP/GP siasatan bagi kes salahlaku pegawai	B	3
43.	Meningkatkan pemantauan daripada pegawai penyelia yang menguruskan aktiviti makmal	B	3
44.	Meningkatkan penguatkuasaan terhadap SOP/GP Pemeriksaan Premis dan pematuhan prosedur kerja	B	3
45.	Menyediakan fasiliti stor ekshibit yang mematuhi spesifikasi keselamatan berdasarkan garis panduan dengan menambah baik sistem kawalan keselamatan.	B	3

“

Pelan Tindakan dan Pemantauan

”



BIDANG KEUTAMAAN 1: PENGURUSAN

STRATEGI 1 : MEMPERKASA PENGURUSAN ORGANISASI KE ARAH TATAKELOLA YANG BAIK

OBJEKTIF STRATEGIK 1.1

MEMPERKASA KETELUSAN DALAM PENGURUSAN MODAL INSAN

OBJEKTIF STRATEGIK 1.2

MEMPERKUKUH AKAUNTABILITI DAN KEBERTANGGUNGJAWABAN DALAM PENGURUSAN MAKLUMAT

OBJEKTIF STRATEGIK 1.3

MEMPERKUKUH TATAKELOLA PENGURUSAN ORGANISASI



Pelan Tindakan

OBJEKTIF STRATEGIK 1.1		MEMPERKASA KETELUSAN DALAM PENGURUSAN MODAL INSAN		
BIL.	RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN : GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.1.1	Pegawai menyalahguna kuasa dan menggunakan pengaruh luar/pihak berkepentingan untuk penempatan/pertukaran /Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)	Memperkukuhkan proses kerja bagi penempatan/pertukaran pegawai dan memastikan setiap keputusan pertukaran adalah dibuat oleh Jawatankuasa Pertukaran/Penempatan	Unit Sumber Manusia	1 tahun (2025)
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan		5 tahun (2025-2029)
		Memperkukuh dan mengadakan Latihan Pematuhan Polisi Pengurusan Pengaruh Luar		5 tahun (2025-2029)
1.1.2	Pegawai mendedahkan maklumat peribadi kakitangan kepada pihak luar	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	5 tahun (2025-2029)
		Menyebarkan luas peringatan/hebahan secara berkala berkenaan kepentingan menyimpan rahsia jabatan		5 tahun (2025-2029)
1.1.3	Pegawai menyalahguna kuasa dalam membuat keputusan untuk penganugerahan/APC	Memperkasakan penggunaan <i>integrity pact</i> sedia ada	Unit Sumber Manusia	5 tahun (2025-2029)
1.1.4	Pegawai memberi suapan kepada penyelia/urus setia Lembaga Tatatertib bagi mengelakkan dikenakan tindakan tatatertib dan surcaj	Memperkasakan fungsi Lembaga Tatatertib dengan membuat Kursus Pelaksanaan Tatatertib yang berkesan	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	1 tahun (2025)
		Memperkasakan <i>Whistleblowing Policy</i> dengan mewujudkan saluran aduan rasuah yang mesra pengguna		2 Tahun (2025-2026)
		Mengadakan Program Peningkatan Kesedaran <i>Whistleblowing Policy</i>		5 tahun (2025-2029)
1.1.5	Pegawai tidak telus dan jujur dalam siasatan aduan/kes tatatertib menyebabkan hukuman tidak setimpal	Membuat hebahan/peringatan kepada pegawai untuk mematuhi tatacara pengurusan kes tatatertib	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	1 tahun (2025)
1.1.6	Pegawai membocorkan maklumat pengadu dan siasatan	Memperkasakan pematuhan terhadap Garis Panduan Pengurusan Aduan Awam KKM	Unit Pentadbiran	5 tahun (2025-2029)
		Mengadakan Program Kesedaran Kepentingan Akta Rahsia Rasmi dan <i>Integrity Pact</i>		5 tahun (2025-2029)

OBJEKTIF STRATEGIK 1.1		MEMPERKASA KETELUSAN DALAM PENGURUSAN MODAL INSAN		
BIL.	RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN : GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.1.7	Pegawai yang mengurus aduan tidak menguruskan aduan secara efisien dan sistematik	Mengadakan Latihan Pengurusan Aduan Awam secara berkala dan menyeluruh kepada semua penyelarass aduan	Unit Pentadbiran	5 tahun (2025-2029)
1.1.8	Pegawai menyalahguna aset kerajaan/kenderaan untuk urusan peribadi	Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti	Unit Pentadbiran	5 tahun (2025-2029)
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	5 tahun (2025-2029)
1.1.9	Pegawai menyalahguna kuasa dengan melibatkan diri secara aktif didalam politik	Membuat hebahan secara berkala peringatan berkenaan peraturan/pekeliling penjawat awam	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	1 tahun (2025)
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan		5 tahun (2025-2029)
1.1.10	Pegawai menyalahguna kuasa dalam pemberian Anugerah. Contoh: APC, Pingat Kebesaran dll.	Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	1 tahun (2025)
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan		5 tahun (2025-2029)
1.1.11	Pegawai menyalahguna kuasa pengambilan personel. Contoh: MYSTEP	Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti	Unit Sumber Manusia	1 tahun (2025)
		Mewujudkan mekanisma pemantauan dari Pegawai Pengawal pematuhan tatacara pelantikan personel		1 tahun (2025)
1.1.12	Pegawai melakukan gangguan seksual	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	5 tahun (2025-2029)
		Meningkatkan peringatan dan hebahan berkaitan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja		5 tahun (2025-2029)

OBJEKTIF STRATEGIK 1.2		MEMPERKUKUH AKAUNTABILITI DAN KEBERTANGGUNGJAWABAN DALAM PENGURUSAN MAKLUMAT		
BIL.	RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN : GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.2.1	Pegawai menerima rasuah membocorkan maklumat pesakit tanpa kelulusan	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	5 tahun (2025-2029)
		Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti		5 tahun (2025-2029)
1.2.2	Pegawai membuat pernyataan awam tanpa kebenaran	Membuat hebahan untuk tidak mengeluarkan pernyataan awam tanpa kebenaran	Unit Pentadbiran	5 tahun (2025-2029)
1.2.3	Pegawai tidak mendaftarkan aduan yang diterima	Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti	Unit Pentadbiran	1 tahun (2025)
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	5 tahun (2025-2029)
1.2.4	Pegawai mendedahkan maklumat pengadu dan butiran aduan kepada pihak yang diadu	Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	1 tahun (2025)
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan		5 tahun (2025-2029)
1.2.5	Pegawai mendedahkan/membocorkan maklumat aduan kepada pihak ketiga	Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	1 tahun (2025)
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan		5 tahun (2025-2029)
		Mengadakan Program Kesedaran Kepentingan Akta Rahsia Rasmi	Unit Pentadbiran	5 tahun (2025-2029)
1.2.6	Pegawai gagal menyelia pangkalan data Kemudahan dan Penjagaan Kesihatan Swasta	Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	1 tahun (2025)
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan		5 tahun (2025-2029)

OBJEKTIF STRATEGIK 1.3		MEMPERKUKUH TATAKELOLA PENGURUSAN ORGANISASI		
BIL.	RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN : GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.3.1	Pegawai menerima penajaan daripada pihak berkepentingan untuk menghadiri persidangan di dalam/luar negara tanpa mendapatkan kelulusan KSU KKM	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	5 tahun (2025-2029)
		Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti		
1.3.2	Pegawai tidak mematuhi peraturan waktu bekerja	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	5 tahun (2025-2029)
		Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti	Unit Pentadbiran	5 tahun (2025-2029)
1.3.3	Pegawai memalsukan cuti sakit	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	5 tahun (2025-2029)
		Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti		
1.3.4	Pegawai salah guna kuasa menjalankan pekerjaan luar/lokum	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	5 tahun (2025-2029)
1.3.5	Pegawai tidak telus dalam membuat Penilaian Sasaran Kerja Utama (SKU) sejajar dengan prestasi dan pencapaian kerja	Menganjurkan Bengkel Penilaian SKU kepada penyelia	Unit Sumber Manusia	5 tahun (2025-2029)
1.3.6	Pegawai memalsukan pencapaian sasaran tahunan	Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	5 tahun (2025-2029)
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan		
1.3.7	Pegawai gagal membuat pemantauan terhadap penempatan/pendaftaran/pemeriksaan/pelupusan aset alih	Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	1 tahun (2025)
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan		5 tahun (2025-2029)

OBJEKTIF STRATEGIK 1.3		MEMPERKUKUH TATAKELOLA PENGURUSAN ORGANISASI		
BIL.	RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN : GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.3.8	Campur tangan pihak ketiga dalam proses siasatan	Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	1 tahun (2025)
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan		5 tahun (2025-2029)
1.3.9	Pegawai menerima/meminta suapan semasa penyiasatan kes	Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	1 tahun (2025)
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan		5 tahun (2025-2029)
